'Ada parti lawan cuba pesong fikiran rakyat'

BAGAN DATUH, Ahad — Timbalan Menteri Penerangan, Puan Hajah Rahmah Othman, mengingatkan ada parti pembangkang kini berusaha untuk memutar-belitkan soal pindaan perlembagaan untuk memesongkan pemikiran rakyat supaya membenci pucuk pimpinan kerajaan sekarang.

Katanya, pemimin-pemimpin parti ini bertindak menjadi juara untuk mempegaruhi rakyat dengan menggunakan agama sebagai alat kepentingan politik mereka, tetapi gagal untuk menerangkan perancangan mereka yang sebenarnya.

Beliau mengingatkan demikian ketika merasmikan kursus sivik di Kampung Tebuk Bengkang dekat sini petang semalam.

Menurutnya, mereka telah memainkan lagu-lagu lama dan mengeluarkan fatwa kafir-mengkafir bagi menakutkan orang ramai supaya memberi sokongan kepada mereka tanpa memikirkan tindakan itu boleh menyebabkan perpecahan masyarakat di negeri ini.

Hajah Rahmah menegaskan, dengan fatwa-fatwa ini akan menyebabkan perpecahan masyarakat menjadi runcing dan mengancam perpaduan rakyat.

Beliau berkata, parti pembangkang ini hanya boleh menimbulkan isu-isu tertentu yang dianggap boleh menarik minat orang ramai, tetapi tidak berjaya menyelesaikannya sendiri.

Kepada pengundi di Rungkup, beliau meminta supaya berwaspada untuk menghadapi pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan itu pada 3 Disember ini.

Menurutnya, kemungkinan beberapa taktik yang kurang sihat akan dilakukan oleh anasir-anasir tertentu untuk menyekat pengundi-pengundi dari keluar membuang undi pada hari itu.

Felda diarah sekat penyebaran surat layang pada peneroka

TEMERLOH, Ahad — Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Datuk Rais Yatim, mengarahkan Felda supaya jangan membenarkan surat-surat layang disebarkan di rancangan-rancangannya mengenai isu pindaan perlembagaan.

Katanya, kabinet telah memberi mandat penuh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahthir Mohamad, untuk mengambil apa jua tindakan bagi menyelesaikan perkara itu.

Beliau yakin Umno akan dapat menyelesaikan masalah itu secara berkesan dan menggesa setiap ahli Umno di seluruh negara supaya menyokong teguh pucuk pimpinan.

Katanya, Umno mampu menyelesaikan kekusutan seumpama itu jika kita bersatu padu dan Umno sendiri sudah lali dengan masalah seumpama itu dalam perjuangannya.

Beliau menyatakan demikian ketika mengulas mengenai isu pindaan itu di majlis perasmian mini konvensyen ekonomi Pemuda Umno bahagian Temerloh di Sekolah Menengah Bandar 32 Felda Tementi, di sini semalam.

Beliau berkata, rakyat hendaklah menumpukan kegiatan mereka untuk membaiki taraf hidup dan jangan memutar-belitkan isu itu.

DATUK RAIS YATIM

"Soal isu perlembagaan adalah tugas Majlis Tertinggi Umno dan ketua-ketua cawangan Umno di tanah-tanah rancangan perlu mengawasi tindakan pihak-pihak tertentu yang cuba menyebarkan surat-surat layang itu," tambahnya.

Sokongan

Katanya, anggota-anggota perlu memberi sokongan yang padu kepada pucuk pimpinan parti dalam menyelesaikan isu itu.

Mengenai perkembangan Felda, Datuk Rais berkata jika rakyat ingin kestabilan dan pendapatan yang baik mereka hendaklah terus menyokong setiap kegiatan yang dianjurkan di rancangan masing-masing.

Katanya, hingga Oktober lalu Felda membelanja $660 juta untuk membangunkan tanah dengan menempatkan 33,000 keluarga di rancangan meliputi kawasan 256,000 hektar di Pahang dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Pembangunan ini dilihamkan oleh Umno dan peneroka-peneroka sepatutnya menghargai usaha itu serta terus menyokong perkembangan Umno di rancangan masing-masing.

Beliau juga menyokong penuh tempoh matlamat Dasar Ekonomi Baru dilanjutkan selepas tahun 1990 kerana masih ramai rakyat di bawah paras kemiskinan, terutamanya di kawasan kampung tradisional.

Pencapaian sehingga ini hanya satu pertiga dari matlamat dasar itu, katanya.

Kira kira 150 orang anggota cawangan Pergerakan Pemuda Umno, termasuk 77 orang peneroka, menyertai konvensyen tiga hari itu.

Datuk Rais kemudian menemui ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Rancangan Felda Gugusan Bera.

Wanita Umno alu-alukan kenyataan tegas Dr M

PULAU PINANG, Ahad — Kenyataan tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau tidak akan meletakkan jawatan dialu-alukan oleh kalangan Pergerakan Wanita Umno negeri ini.

Mereka mensifatkan kenyataan itu sebagai bukti Datuk Seri Dr Mahathir ialah seorang pemimpin yang cekal, ikhlas dan mempunyai kewibawaan yang tinggi.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Bukit Bendera, Cik Rukyah Haji Ismail, berkata: "Rakyat mestilah menyokong penuh Perdana Menteri kita yang tegas dan sedia bersama-sama rakyat yang dicintainya.

"Kami berpendapat rakyat masih memerlukan tenaga bakti beliau sebagai pemimpin yang berkaliber."

Cik Rukyah mengetuai Pergerakan Wanita Umno bahagian itu dalam upacara menyambut ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir di Lapangan Terbang Kepala Batas, Kedah semalam.

"Sambutan raksasa itu menunjukkan rakyat tetap perlukan pimpinan Perdana Menteri kita," kata beliau.

Beliau berpendapat: "Sejak Datuk Seri Dr Mahathir memimpin negara banyak perubahan telah wujud, seperti penseragaman waktu antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

"Penseragaman waktu ini dianggap satu sejarah yang tidak mudah dilupai oleh rakyat kerana ia dapat menyatukan hubungan rakyat di Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Timur."

Menurut Cik Rukyah, perubahan lain ialah mengadakan kad perakam waktu di pejabat-pejabat untuk membolehkan kakitangan kerajaan memberi perkhidmatan yang baik.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno bahagian Bukit Mertajam, Hajah Hindun berkata: "Dalam sejarah hidup saya belum pernah melihat sambutan untuk seorang pemimpin sebegitu hebat."

Katanya: "Bukan setakat menyambut saja, tetapi sorakan dan laungan yang bergemuruh dari rakyat menandakan sokongan mereka yang kukuh."

Hajah Hindun dan ahli-ahli pergerakan itu gembira kerana Datuk Seri Dr Mahathir tidak berganjak dari sedia memimpin rakyat.

"Kita berdoa biarlah hasrat murni beliau itu direstui oleh Tuhan," tambahnya.

Berjasa kesal

TAIPING, Ahad — Parti Berjasa kesal dan sedih kerana Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan telah menghadapi jalan buntu dalam mesyuarat antara Raja-Raja dan perwakilan tinggi Umno, Ahad lalu.

Timbalan Dua Pesuruhjaya Berjasa Negeri Perak, Encik Mohd Ali Osman, berkata hari ini parti itu menyokong penuh atas rang undang-undang itu yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Pada hemah Berjasa, bila rang undang-undang sama ada pindaan atau undang-undang baru yang diluluskan oleh kedua-dua dewan itu adalah menjadi keputusan yang unggul dari seluruh rakyat, katanya.

"Adalah dirasakan tidak bijaksana jika dipersoalkan akan kewibawaan dan keunggulan keputusan yang telah dibuat," tambahnya.

Pemuda Umno Kedah sokong pimpinan PM

KULIM, Ahad

PEMIMPIN Pergerakan Pemuda Umno di Kedah menyokong pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka menganggap kenyataan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Star pagi semalam sebagai kenyataan yang ikhlas dari seorang pemimpin.

"Kita tidak akan mempunyai seorang pemimpin yang begitu berkaliber seperti Datuk Seri Dr Mahathir untuk satu atau dua dekad lagi," kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno bahagian Kulim-/Bandar Baharu, Encik Hussain Haji Abdul Rahman.

Menurutnya, banjiran manusia di lapangan terbang itu jelas memperlihatkan sokongan yang padu dan jitu kepada pucuk pimpinan sekarang.

"Inilah sebaik-baik bukti yang diperlihat oleh rakyat Malaysia yang cintakan kehidupan harmoni," katanya.

Menurut Encik Hussain, yang juga Setiausaha Sulit Timbalan Menteri Luar, penafian Datuk Seri Dr Mahathir kononnya beliau akan meletakkan jawatan sekaligus memadamkan khabar-khabar angin yang berniat buruk itu.

Perdana Menteri, ketika berucap kepada lebih 50,000 orang yang menyambutnya di Lapangan Terbang Kepala Batas pagi semalam, menegaskan beliau tidak akan sekali-kali meletakkan jawatan, melainkan dituntut oleh rakyat.

Sayang

Kata Encik Hussain, ketika ini seluruh rakyat haruslah memberi sokongan yang padu kepada Perdana Menteri.

"Pergerakan Pemuda Umno bahagian Kulim/Bandar Baharu tetap berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan sekarang," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kuala Muda, Encik Hassan Aziz, pula berkata perhimpunan raksasa jelas memperlihatkan betapa "sayangnya rakyat kepada seorang pemimpin yang mereka pilih".

"Kekaguman dan keharuan Datuk Seri Dr Mahathir terhadap sokongan orang ramai kepadanya jelas terbayang di wajahnya," kata Encik Hassan.

Menurutnya, Pemuda Umno Kuala Muda sekali lagi berikrar akan "seiring sejalan dengan pucuk pimpinan sekarang".

Sementara itu, Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno bahagian Kubang Pasu, Encik Johari Baharum, pula berkata: "Tidak ada kata secantik bahasa yang hendak diluahkan terhadap sokongannya kepada pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

"Kami begitu terharu sekali terhadap keikhlasan Datuk Seri Dr Mahathir memperjuangkan nasib rakyat dan negara dengan mengenepikan masalah peribadinya itu," katanya.

"Sukar sekali kita boleh menemui seorang pemimpin yang begitu dedikasi seperti Perdana Menteri sekarang," kata Encik Johari.

Katanya, ucapan Datuk Seri Dr Mahathir itu jelas membayangkan pendiriannya yang "berjiwa rakyat dan datang dari rakyat dan akan terus dicintai rakyat".

"Pergerakan Pemuda Umno Kubang Pasu akan tetap memberi sokongan dan bantuan kepada pucuk pimpinan sekarang dalam apa jua tindakan bagi kepentingan agama, bangsa dan negara," tambahnya.

Umno Bruas nafi tak sokong pindaan

IPOH, Ahad — Ketua Umno bahagian Bruas, Datuk Haji Abdul Malik Haji Ahmad, menafikan sekeras-kerasnya dakwaan sebuah akhbar mingguan bahawa bahagian itu tidak menyokong pindaan perlembagaan dan mengambil sikap berkecuali dalam hal itu.

Beliau menegaskan hari ini, Umno bahagian Bruas telah mengambil keputusan untuk menyokong penuh pimpinan parti dan berdiri teguh bersama pucuk pimpinan parti dalam menghadapi sebarang masalah dalam mesyuarat jawatankuasanya pada 6 November lalu.

"Dakwaan akhbar itu yang mengatakan Umno bahagian ini tidak menyokong dan mengambil sikap berkecuali mengenai isu ini kerana kononnya tidak dimaklumkan oleh pucuk pimpinan parti mengenai butir-butir pindaan itu adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali," katanya.

Datuk Haji Abdul Malik, yang juga ahli Jawatankuasa Perhubungan Umno Perak, berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar itu semalam.

Menurut laporan itu, Umno bahagian Bruas telah mengambil keputusan tidak menyokong dan mengambil langkah berkecuali mengenai pindaan itu, sebaliknya memandang taat kepada Raja pemerintah lebih dari segala-galanya.

Menurutnya, alasan bahawa Umno bahagiannya tidak diberitahu mengenai butir-butir isu pindaan itu seperti yang didakwa oleh akhbar itu sebenarnya tidak timbul sama sekali.

Sebaliknya, tegas beliau, pihaknya sudah dimaklumkan mengenai perkara pindaan itu oleh pucuk pimpinan melalui perjumpaan khas Pergerakan Pemuda Umno Malaysia baru-baru lalu.

Pihak tertentu diingat jangan cuba main api

ALOR STAR, Ahad — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Haji Sanusi Junid, mengingatkan golongan tertentu supaya jangan cuba bermain api dengan soal perlembagaan kerana perbuatan itu boleh membawa kesan buruk kepada negara.

Beliau berkata demikian ketika menutup kursus kepemimpinan melalui teladan di Bangunan Tunku di sini petang semalam.

Seramai 500 orang peserta dari pegawai-pegawai tadbir negeri, ketua-ketua jabatan kerajaan, pegawai polis dan tentera, ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional, pemimpin masyarakat dan ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dari seluruh negeri ini menghadiri kursus ini.

"Tidak timbul langsung soal kita mahu mengenepikan Raja-Raja," kata Datuk Haji Sanusi yang juga Ketua Biro Penerangan Umno Malaysia.

Dengan nada yang tegas Datuk Haji Sanusi berkata, pucuk pimpinan sekarang bukanlah senang digertak dan digembur-gemburkan.

"Dalam apa tindak-tanduk, kita mestilah mengkaji sejarah dahulu," kata Datuk Haji Sanusi.

Katanya lagi, pemimpin-pemimpin harus menerima pendapat yang baik, walaupun pendapat itu datangnya dari "budak pejabat".

Saranan

"Kalau pendapat dan saranannya baik dan mendatangkan faedah kita harus tabik padanya dan menerima saranannya," tambahnya.

Kursus sehari suntuk itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketibaaan Perdana Menteri bersama isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, di perkarangan Bangunan Tunku disambut secara tradisional dengan iringan perarakan bunga manggar dan paluan kompang.

Turut memberi ceramah dalam kursus itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim dan Menteri Penerangan, Datuk Seri Adib Adam.

Pindaan perlembagaan akan diselesaikan dengan baik dan segera

NIBONG TEBAL, Ahad — Pucuk pimpinan kerajaan akan menggunakan kebijaksanaan dalam menyelesaikan soal pindaan perlembagaan, kata Timbalan Menteri Luar, Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir, hari ini.

Katanya, langkah-langkah yang akan diambil ialah untuk menyelesaikan perkara itu dengan baik dan segera supaya kelak tidak timbul masalah lain.

Ketika berucap dan berceramah di kursus sehari politik dan pentadbiran Umno anjuran bersama Pejabat Penerangan Daerah dan Umno bahagian Nibong Tebal di Sungai Kecil dekat sini, beliau berkata, soal itu telah menjadi besar kerana dikelirukan oleh orang-orang tertentu untuk kepentingan sendiri.

Katanya, pelbagai takrif dibuat mengenai Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan itu hingga menimbulkan suasana keruh dan menjejaskan rekod baik kerajaan.

Beliau menjelaskan, tujuan perlembagaan itu dipinda ialah untuk menggariskan dengan tepat beberapa perkara bagi menentukan peranan sebenar kerajaan dalam proses pemerintahan negara.

Encik Abdul Kadir berkata, dengan kebijaksanaan pemimpin lalu, pemerintahan negara yang berlandaskan prinsip demokrasi berparlimen telah meletakkan Malaysia ke tempat yang sewajarnya di dunia dan dihormati oleh negara-negara lain.

Ahli Parlimen bahagian Larut, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mohamed Isa, yang turut berceramah berkata, Umno amat menyanjung perlembagaan negara dan akan mengawalnya dari dihapuskan oleh sesiapa.

Menurutnya, sesiapa yang ingin menyertai Umno hendaklah hanya mempunyai beberapa tujuan penting, iaitu mengekalkan kemerdekaan negara, menyanjung dan mengawal perlembagaan negara, menjamin kedaulatan Raja-Raja Melayu, hak-hak orang Melayu dan Bahasa Kebangsaan. — Bernama.

Morfin: Lelaki ditangkap

KOTA BHARU, Ahad — Sepasukan anggota Unit Pencegah Penyeludupan menangkap seorang lelaki yang disyaki memiliki dadah di sekatan jalan raya Simpang Empat, Alor Pasir, pagi tadi.

Ketua Cawangan Antidadah Polis Kelantan, Timbalan Penguasa Shinggara Singh berkata lelaki itu yang berasal dari Kampung Air Putih, Kuantan ditangkap ketika menaiki sebuah teksi dari pekan Rantau Panjang untuk ke Kota Bharu. — Bernama.

Pusat akhbar sidang CHOGM jadi sepi

NEW DELHI, Ahad — Pusat akhbar unt mesyuarat Ketua-K tua Negara Komanw lengang semalam d hari ini kerana ket perwakilan serta pe wai-pegawai m nangguhkan sidang hingga pagi esok.

Pusat itu biasanya sib dengan sidang akhb serta bunyi ketuk mesin taip pember dan kadangkala me jadi agak kelam kab kerana bilangan "peg wai" tempatan tid kurang ramainya.

Sebilangan pemberita t rut ke Goa untuk me buat liputan ketua-k tua perwakila sehingga pagi ini s mentara yang lainny melawat tempat-tem pat bersejarah di sek tar bandar ini atau k luar membeli-belah.

Lebih 120 mesin taip dis diakan untuk pember ta, selain lima peti tel visyen yang membe liputan sidang-sidan akhbar untuk merek yang tidak sempat k bilik akhbar di bang nan yang sama.

Tetapi, yang membua suasana di sini keliha tan begitu sibuk iala kehadiran "pegawa sampingan" tempatan Kadangkala mereka melebihi bilangan war tawan yang bertugas.

Kelmarin, bila Tele visyen India menyiar kan secara langsung "test" keempat krike antara pasukan India dan West Indies, ke banyakan pegawai tempatan ini me ninggalkan tugas me reka untuk menyaksi kan perlawanan itu.

Selepas itu, pusat akhbar menyiarkan pula ta yangan gambar percu ma, yang sekali lagi menjadi tumpuan orang tempatan.

Bagaimanapun, kebanyakan wartawan berpuas hati dengan persiapan dan perkhidmatan yang diberikan di tempat yang dulunya menganjurkan mesuarat negara-negara berkecuali.

Untuk memudahkan perhubungan kami dengan ibu pejabat, kami diberitahu oleh seorang pegawai bahawa pihak penganjur telah membuat persiapan khas untuk menjamin setiap panggilan telefon ke luar negeri berjalan lancar.

Kemudahan teleks juga baik dan di setiap bahagian perkhidmatan, wartawan diminta memberi pandangan mengenai perkhidmatan dalam buku pelawat.

Menurut beberapa orang wartawan yang dulunya membuat liputan mesyuarat negara-negara berkecuali, layanan kali ini lebih teratur.

Beberapa hari lalu, wartawan dari Malaysia melaporkan bahawa Televisyen India telah membuat kesilapan mengenai negara kita dan ketua perwakilan di hari pembukaan sertakelmarin, akhbar berbahasa Inggeris, *Hindustan Times*, pula membuat kesilapan bila ia melaporkan pertemuan antara Perdana Menteri Australia, Bob Hawke, dan beberapa pemimpin Asean.

Laporan itu cuma menyebut nama Encik Hawke dan Perdana Menteri Lee Kuan Yew dari Singapura, walaupun Menteri Luar republik itu, Encik S. Dhanabalan serta Menteri Luar kita, Tan Sri Ghazali Shafie, turut serta.

Kanak2 lelaki hangus dalam kebakaran 10 kedai sederet

KUALA TERENGGANU, Ahad — Seorang kanak-kanak lelaki berumur lima tahun yang dikenali sebagai Chung Kok Kim mati hangus dalam kebakaran 10 pintu kedai sederet di Jalan Bandar, di sini awal hari ini.

Enam dari kedai-kedai itu musnah sama sekali.

Kedai-kedai itu ialah kedai emas, kedai gambar, kedai runcit, kedai kopi dan kedai menjual alat permainan kanak-kanak. Kerugian ditaksirkan berjumlah $2.5 juta.

Kira-kira 90 orang dari 14 keluarga hilang harta-benda dan tempat tinggal dalam kejadian itu.

Seramai 28 anggota bomba bersama tiga kereta bomba dari sini diketuai oleh Pegawai Operasi Bomba Negeri, Encik Hamid Mat, berkejar ke tempat kejadian sebaik saja menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 3.40 pagi.

Pihak bomba mengambil masa dua jam untuk mengawal api dari merebak ke bangunan lain.

Menurut seorang jurucakap bomba, ketika mereka tiba di tempat itu, mereka mendapati api telah besar kerana angin kencang.

Katanya, kanak-kanak malang itu ialah anak pemilik kedai gambar.

Badan kanak-kanak itu hangus sama sekali ketika dijumpai dan mayatnya dibawa ke Hospital Besar di sini untuk pemeriksaan lanjut.

Ayah Kok Kim ada di Kuala Lumpur dalam perjalanan untuk ke Jepun kerana urusan perniagaan.

Menurut jurucakap bomba, kanak-kanak itu sedang tidur dalam sebuah bilik di tingkat dua kedai itu dan dia dipercayai terperangkap dalam kebakaran itu.

Bagaimanapun, seorang kanak-kanak lelaki berumur tujuh tahun yang ada dalam kedai yang sama berjaya diselamatkan oleh seorang pemuda, Tang Ong Tee.

Punca kebakaran belum dapat diketahui.

MCA Negeri menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk membantu mangsa-mangsa kebakaran itu.

TAMAN BUKIT INDAH

(BANDAR SATELIT SENAWANG)

Pilihan Tepat

RUMAH TERES DUA TINGKAT



RUMAH KEDAI DUA TINGKAT

RUMAH TERES SATU TINGKAT

TAMAN BUKIT INDAH
RUMAH IDAMAN ANDA....

Terletak di atas bukit yang menghijau di dalam kawasan pekan Satelit Senawang yang sedang pesat membangun (kira-kira 8 km dari Seremban) bersama-sama dengan projek-projek perumahan lain, Taman Bukit Indah merupakan tempat kediaman yang di cita-citakan. Di samping kemudahan infrastruktur yang sedia ada, Taman Bukit Indah juga berdekatan dengan projek-projek pejabat kerajaan.

SPESIFIKASI KHAS UNTUK RUMAH TERES DUA TINGKAT

Kemasan Lantai: Bilik Tidur Utama — lantai parquet.
Bilik air berkembar termasuk besen mandi dan lantai mosaic.
Bilik Tidur — lantai parquet.
Bilik makan dan ruang tamu — lantai terrazo
Dapur — Dinding dapur dihiasi ubin kilat putih 4¼" persegi, setinggi 5'
Anjung — lantai mosaic

Pinjaman perumahan boleh diaturkan untuk mereka yang layak.
Tiada kerja tambahan diperlukan.
Hanya tinggal 4 unit Rumah Murah untuk Bumiputera



Nombor Lesen Pemaju: 1948/12 - 84 /596
Nombor Iklan & Permit Jualan: 1948/9/84 (1)
Pegangan Tanah — pajakan 99 tahun
Hakmilik sementara individu telah diperolehi.
Tarikh siap: Jun, 1985.

Kerja pembinaan sedang dijalankan
Potongan 10% untuk Bumiputera.

PEMAJU:

REMBAU JAYA DEV. SDN. BHD.
No: 132, Jalan Hose, Seremban,
Negeri Sembilan
Tel: 712282 & 712284

VISA PETROCARD AMERICAN EXPRESS

UNTUK DIBERESKAN
*Permadani 'Rainbow'
240cm x 340cm (9' x 12' App.).
$90.00 saja

UDANI CARPETS SDN. BHD.
No. 390, Jln. Tuanku Abdul Rahman, K.Lumpur.
Cable: 'UDANI' Tel 981962 & 984257

TINGKAT TIGA
Bahagian Kanak-kanak.
Pakaian cantik untuk budak perempuan; Kemeja, Jean dll. untuk budak lelaki; barangan cantik untuk bayi baru lahir dan pilihan lengkap untuk ibu mengandung

Waktu membeli belah: 9.30 pagi — 6.30 petang (ditutup pada hari Ahad)

Globe — pusat membeli belah sekeluarga

Globe Silk Store
185, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.
TEL: 922188